

Pelajaran 5: Pelayanan

Anda mungkin mengajar pelajaran ini secara seluruh atau membahagikannya kepada segmen-segmen kecil. Sesuaikan pelajaran berdasarkan situasi tempatan dan keperluan, umur, dan tahap pemahaman kuorum atau presidensi kelas anda.

YESUS KRISTUS MENGAJAR KITA BAGAIMANA UNTUK MELAYANI

Untuk membantu ahli-ahli kuorum atau presidensi kelas melihat Yesus Kristus sebagai teladan melayani, anda boleh menjemput mereka untuk berkongsi tentang ajaran-ajaran Dia dan contoh layanan-Nya (lihat [Lukas 10:25–37](#); [3 Nefi 17:5–10](#)). Jelaskan bahawa pelayanan ialah menjaga seseorang sepertimana Juruselamat akan lakukan. Bilakah seseorang telah melakukan sedemikian bagi anda, dan bagaimanakah perasaan anda? Bagaimanakah teladan Kristus berguna dalam usaha kita untuk melayani ahli kuorum atau kelas kita? Kepada yang lain?

KITA BOLEH MELAYANI MEREKA YANG DI SEKITAR KITA

Untuk membantu ahli-ahli presidensi menerima ilham akan bagaimana untuk melayani ahli-ahli kuorum atau kelas mereka, jemput mereka untuk bincangkan setiap orang dengan sebut nama mereka (setiausaha boleh memperoleh senarai nama dalam “Member Tools” app atau kerani bahagian). Soalan-soalan berikut mungkin dapat membantu:

- Apakah yang kita ketahui tentang mereka?
- Apakah kekuatan dan cabaran unik mereka?
- Apakah yang kita boleh lakukan agar dapat membantu mereka (contohnya, dalam layanan dan aktiviti dan pertemuan-pertemuan Ahad)?

Minta ahli-ahli presidensi untuk pertimbangkan bagaimana mereka boleh menggalakkan ahli kuorum dan kelas untuk menggunakan kekuatan dan bakat mereka bagi melayani orang lain, di dalam dan luar kuorum atau kelas mereka.

Jemput kuorum atau presidensi kelas untuk bertindak berdasarkan apa yang diilhami untuk lakukan. Mereka mungkin ingin mengkaji semula dan mengubahsuai rancangan yang dibuat dalam pertemuan presidensi baru-baru ini untuk melibatkan rancangan baru mereka. Pastikan mereka faham bahawa maklumat sensitif yang dikongsi tentang individu-individu harus dirahsiakan.

SUMBER-SUMBER SOKONGAN

- *General Handbook: Serving in The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints*, [chapter 21](#), [ChurchofJesusChrist.org](#)
- [2 Korintus 6:4–7](#); [Mosia 18:8–9](#); [Ajaran dan Perjanjian 84:106](#)